

Gelombang kedua bah dijangka landa Kuala Selangor

Kuala Selangor: Gelombang kedua banjir mungkin melanda sekitar daerah ini, hari ini.

Pegawai Daerah Kuala Selangor yang juga Pengerusi Bencana daerah, Shamsul Shahril Badlisza Mohd Noor, berkata Jabatan Meteorologi Malaysia (JMM) memaklumkan penduduk setempat perlu bersiap sedia berikutan laut dijangka pasang pada ketinggian minimum lima meter.

Walaupun dijangka berlaku di sekitar Pelabuhan Klang, katanya, ia tetap memberi kesan terhadap kenaikan air di perairan Selangor.

"JMM turut meramalkan luruan angin monsun timur laut yang akan menyebabkan hujan lebat, angin kencang dan ribut pada 26 dan 27 November ini.

"Kami dimaklumkan, laut akan pasang bermula esok (hari ini) hingga 29 November ini," katanya pada sidang media di pusat pemindahan sementara mangsa banjir di Sekolah Kebangsaan (SK) Parit

Mahang di sini, semalam.

Kami dimaklumkan, laut akan pasang bermula esok (hari ini) hingga 29 November ini"

Shamsul Shahril Badlisza Mohd Noor,
Pegawai Daerah Kuala Selangor

Bagi mengelakkan sungai melimpah ke kawasan rendah, katanya, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Selangor berusaha membaiki tebing sungai sekitar daerah itu sebagai alternatif mengatasi masalah banjir.

Beliau berkata, JPS turut menggunakan dua jentera dalam aktiviti pembersihan parit, selain melakukan pengepaman air ke sungai

setiap hari sehingga jam 8 malam.

Sehingga semalam, seramai 581 mangsa banjir daripada 123 keluarga sekitar Kuala Selangor masih ditempatkan di enam pusat pemindahan sementara.

Sedia ubat-ubatan haiwan

Di **Kuala Terengganu**, enam pangkalan hadapan untuk ternakan dan penyimpanan makanan serta ubat-ubatan haiwan diwujudkan di dua daerah di negeri ini sebagai persediaan menghadapi kemungkinan banjir bulan depan.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Perusahaan Perladangan dan Komoditi negeri, Nawi Mohamad, berkata ramai penduduk kehilangan ternakan akibat dihanyutkan banjir setiap kali musim tengkujuh.

"Tahun ini, kami menghantar bekalan makanan haiwan dan ubat sebanyak 10 tan metrik ke pangkalan hadapan sejak pertengahan bulan lalu," katanya ditemui selepas merasmikan majlis penyampaian sijil dan hadiah kepada peserta pertandingan 'Mr dan Ratu' lembu serta kambing di sini, semalam.

Pada majlis itu, Mat Rusli Ismail dari Kampung Wakaf Dua, Bukit Payong, Marang memenangi hadiah kereta PERODUA Axia selepas lembunya mendapat tempat pertama dengan gelaran Mr Lembu.